

21 JUN 2003

Umno-Reaksi (Rangkuman)

KESEDIAAN DR MAHATHIR TERUS BERBAKTI MENGHARUKAN - NAJIB

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan ucapan penggulungan terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti itu pada perhimpunan agung Umno hari ini, terutamanya kesediaan untuk terus berbakti pada parti sebagai amat mengharukan.

"(Ucapan) menyentuh perasaan, mengharukan ahli-ahli Umno kerana pada penghujung ucapan itu presiden melahirkan hasrat beliau untuk terus membantu parti dalam apa jua cara yang boleh dilakukan beliau," katanya.

Najib berkata kesediaan Dr Mahathir itu jelas membuktikan kesetiaan dan kasih sayang terhadap Umno tidak pernah luntur sama ada beliau berkuasa atau tidak berkuasa.

"Dan saya anggap ini sebagai satu teladan, contoh yang amat memberangsangkan dan kalau setiap ahli Umno boleh menghayati komitmen dan kesetiaan presiden, parti Umno akan terus merupakan parti yang dapat memegang tampuk pemerintahan negara," katanya.

Mengulas mengenai keyakinan Perdana Menteri bahawa tidak ada perebutan bagi jawatan nombor dua parti, Najib berkata ada beberapa tradisi di dalam Umno perlu dikekalkan terutamanya apabila melibatkan hal berkenaan.

-- LAGI

MS KHY MOZ

21/06/2003 21-43ST

aab bns

Mahathir-Salam 3 Kuala Lumpur

ORANG RAMAI BERPUSU-PUSU - 3

Perjalanan Perdana Menteri dari Dewan Merdeka ke Bilik Sidang Akhbar sejauh lebih kurang 20 meter itu mungkin merupakan satu cabaran yang hebat bagi pengawal-pengawal peribadi beliau.

Masing-masing kelihatan sungguh tegang kerana selain memastikan keselamatan Dr Mahathir, mereka juga terpaksa melindungi diri sendiri daripada ditolak oleh orang ramai.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang tenang masih mampu tersenyum ketika melangkah masuk ke dalam bilik sidang media berkenaan.

Tidak lama kemudian menyusul di belakangnya Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob sambil membetulkan pakaian dan kedudukan songkok masing-masing.

Semasa pada sidang media itu sendiri Dr Mahathir tenang menjawab pertanyaan para pemberita dan lebih banyak tersenyum.

Malah soalan provokatif daripada pemberita asing juga dilayan baik oleh beliau.

-- LAGI

SHO ZS ROS

21/06/2003 21-43ST

aab bns

Mahathir-Salam 4 (Akhir) Kuala Lumpur

ORANG RAMAI BERPUSU-PUSU - 4

Selesai sidang media, Dr Mahathir terus meninggalkan bilik itu, kali ini tanpa diganggu oleh pemberita yang ingin mendapatkan tandatangan beliau.

Di luar, sekali lagi Perdana Menteri diserbu oleh orang ramai sehingga pada satu ketika pergerakan beliau tersekat.

Terdahulu, tangga ke aras 4 yang menempatkan Dewan Merdeka ditutup laluanannya bagi menghalang orang ramai naik ke aras berkenaan yang telah sedia sesak.

Bagi yang tidak berpeluang mendengar ucapan itu di dalam dewan, mereka telah diminta bersila di luar dan mengikuti persidangan melalui skrin TV.

Walaupun ramai yang taksub mendengar ucapan demi ucapan, namun terdapat juga mereka yang masih berlegar-legar di gerai-gerai yang memenuhi ruang lobi di aras dua untuk membeli-belah.

Apapun tujuan mereka, perhimpunan kali ini adalah luarbiasa dengan mencatatkan begitu ramai pengunjung berbanding tahun-tahun sebelum ini.

-- BERNAMA

SHO ZS ROS

21/06/2003 21-45ST

aab bns

Mahathir-Gulung (Kontrak)

KONTRAKTOR MELAYU HARUS SEDIA BERSAING - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kontraktor Melayu perlu bersedia untuk bersaing bukan sahaja dengan kaum lain tetapi juga sesama kontraktor Melayu.

Persaingan untuk merebut kontrak di negara ini kini bukan sahaja berlaku antara kontraktor Melayu, Cina dan India tetapi juga antara Melayu dan Melayu, kata Perdana Menteri.

"Kita tidak fikir untuk memberi semua kontrak kepada anggota Umno sahaja kerana kerajaan turut bersikap timbang rasa kepada bukan anggota Umno," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, semasa menggulung perbahasan mengenai isu pemberian kontrak kepada anggota Umno yang dibangkitkan semasa sesi perbahasan Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan menggalakkan persaingan untuk memberi peluang yang sama rata dan adil kepada rakyat.

Dr Mahathir juga berkata Umno semakin besar dengan jumlah keanggotaannya melebihi 3 juta orang berbanding jumlah orang Melayu di Malaysia seramai 11.7 juta orang.

"Ini bermakna seorang anggota Umno bagi setiap 4 orang Melayu," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa walaupun tidak semua orang Melayu menjadi anggota Umno, mereka yang bukan anggota parti itu juga penting kerana mereka juga adalah pengundi dalam pilihan raya.

-- LAGI

MAN HS KHY RON

21/06/2003 21-45ST

aab bns

Umno-Reaksi (Rangkuman) 2 Kuala Lumpur

KESEDIAAN DR MAHATHIR TERUS BERBAKTI - 2

"Itu saya anggap sebagai tradisi dalam parti, ada beberapa tradisi yang mulia di mana sesiapa yang dilantik sebagai timbalan perdana menteri diberi kepercayaan menjalankan jawatan timbalan presiden.

"Ini mesti kita teruskan kerana kalau kita terus berbalah dan kita

tidak ada pegangan pada tradisi, ini bererti tidak ada sesuatu pegangan pada ahli Umno dan boleh jadi, penyakit yang sama akan menimpa Umno," katanya.

Najib berharap segala ingatan dan keyakinan yang dilahirkan Dr Mahathir dalam ucapannya tidak sekadar tinggal sebagai peringatan atas kertas.

Sementara itu seorang lagi Naib Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Dr Mahathir kelihatan gembira untuk meninggalkan Umno ketika parti itu sudah semakin kukuh.

"Saya fikir dia bersemangat sebab dia tidak perlu emosional dengan pesanan-pesanan terakhir," katanya.

-- LAGI

Umno-Reaksi (Rangkuman) 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata jaminan daripada para perwakilan yang mahu mengukuhkan perpaduan dalam parti itu pasti menggembirakan Dr Mahathir.

Antara lain, katanya, perwakilan memberi jaminan mahu mempertahankan parti, menyokong dan memberi kepercayaan kepada kepimpinan baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila beliau mengambil alih sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Saya rasa Perdana Menteri telah rasa kebaikannya yang kita benar-benar mahu bersatu dan pastinya ia mahu diteruskan," katanya.

Muhyiddin berkata perpaduan dalam Umno merupakan satu sumbangan anggota Umno kepada Dr Mahathir.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata beliau akan membawa pulang keyakinan Dr Mahathir mengenai perpaduan Umno untuk diterjemahkan kepada usaha menyapu bersih kerusi di Johor pada pilihan raya umum akan datang.

"Kalau kita mengambil mood perhimpunan agung ini, kita akan boleh menghadapi pilihan raya dengan penuh bertenaga," katanya.

-- LAGI

LES MUN KHY MOZ

21/06/2003 21-47ST

aab bns

Mahathir-Gulung (Kontrak) 2 (Akhir) Kuala Lumpur

KONTRAKTOR MELAYU HARUS SEDIA BERSAING - 2

Dr Mahathir turut mengingatkan semula rakyat supaya mengenali bangsa Eropah yang sentiasa berusaha untuk menakluki orang lain secara mental dan fizikal.

Beliau menyokong cadangan Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak dalam ucapan penggulangannya supaya School Of Occidental Studies (sekolah pengajian mengenai barat) ditubuhkan di institusi pengajian tinggi tempatan.

"Ini bukan untuk membenci mereka tapi untuk mengetahui sifat yang ada pada mereka kerana selalunya bila nak berunding sesuatu dengan orang, kita kena tahu personalitinya, kalau dia penyangak runding cara penyangak, kalau baik runding cara baik," katanya.

-- BERNAMA

MAN HS KHY RON

21/06/2003 21-48ST

aab bns

Umno-Reaksi (Rangkuman) 4 Kuala Lumpur

KESEDIAAN DR MAHATHIR TERUS BERBAKTI - 4

Beliau berkata Johor telah mengerakkan jentera pilihan raya sebagai persediaan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Hussein berkata tugas Pemuda dan generasi muda bukan sekadar meneruskan perjuangan yang belum selesai sebaliknya memastikan martabat agama, bangsa dan tanah air dilonjakkan pada tahap yang lebih tinggi.

Katanya, beliau secara peribadi telah memberitahu Dr Mahathir hari ini bahawa beliau akan berusaha sedaya upaya memikul tanggungjawab dan tugas dengan sebaik mungkin.

"Beliau (Dr Mahathir) menyatakan inilah memang tugas kita sekarang untuk meneruskan apa yang telah kita mulakan sejak kita merdeka lagi, untuk diwarisi oleh generasi hari ini," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed yakin anggota parti akan akur dengan janji-janji mereka untuk menjaga parti walaupun Dr Mahathir akan meninggalkan kerusi Presiden dalam tempoh empat bulan lagi.

Katanya, Dr Mahathir telah berjaya memulihkan semula kekuatan parti selepas Barisan Nasional kalah banyak kerusi pada pilihan raya umum 1999.

-- LAGI

Umno-Reaksi 5 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jadi ia memberi dorongan kepada kami di Kelantan. InsyaAllah jika kita ikut pesanan Dr Mahathir, kita akan sapu bersih kerusi-kerusi dalam Malaysia," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir adalah pemimpin yang hebat kerana mampu mengurus kerajaan dan meninggalkan parti dengan amat baik sebelum mengundurkan diri daripada memimpin parti dan kerajaan.

Katanya, anggota Umno juga perlu bersyukur kerana proses peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berlaku dengan lancar, licin dan tersusun.

-- BERNAMA

MUN LES ZS MOZ

21/06/2003 21-50ST

aab bns

ULANGAN Mahathir-Gulung (Lega) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

DR MAHATHIR LEGA - 4

(mebetulkan ayat pada para akhir)

"Pada zaman ni pun banyak orang cari jalan mudah, bila dapat peluang dia jual peluang itu," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat usahawan Melayu di negara ini yang mengecapi kekayaan hasil kesabaran tanpa perlu mencari jalan pintas.

"(antara mereka) (Tan Sri) Mustapha Kamal dan (Tan Sri) Syed Mokhtar Al-Bukhary...yang tersenarai sebagai antara tokoh yang terkaya di dunia," katanya.

-- BERNAMA

MAN ZS RON